



18 FEB, 2025

`Rampas` takhta MHL 2025

Utusan Sarawak, Malaysia



'Rampas' takhta MHL 2025

TERENGGANU Hockey Team (THT) mengubati kekecewaan musim lalu apabila merampas takhta kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2025 dengan membelasah wakil Australia, Territory Stingers 4-1 pada aksi terakhir liga di Stadium Hoki Nasional 2, Bukit Jalil di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

Kemenangan itu merupakan kali ketujuh buat THT, yang pernah menjuarai liga pada edisi 2014, 2015, 2016, 2018, 2022, dan 2023.

Terdahulu, THT hanya perlu meraih keputusan positif sebelum disahkan sebagai juara, menyaksikan penyerang prolifik Faizal Saari muncul wira apabila menyumbat kesemua empat gol (minit ke-14, 24, 32, 33), sekali gus menghadihkan kemenangan bersih sembilan perlawanan sepanjang musim ini.

"Alhamdulillah untuk perlawanan hari ini kerana pemain-pemain kita memang sudah bersedia dari segi mentaliti. Ini



PANTAS... Pemain THT, Mohamad Akhimullah Anuar Esook melarikan bola melepasi pemain Territory Stingers pada final TNB Liga Hoki Malaysia 2025 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil. • Foto BERNAMA

adalah perlawanan yang menjadi peluang untuk kita mengubati kekecewaan musim lalu.

"Pemain-pemain menggunakan peluang dengan baik dan mereka bermain bermati-matian hari ini bagi mendapatkan kejuaraan liga," kata ketua jurulatih THT, Mohd Harfizi Baharom kepada pemberita ketika ditemui selepas tamat perlawanan.

Mohd Harfizi dalam masa sama optimis

kejayaan yang dilakar anak buahnya akan menjadi tonik terbaik buat THT, yang kini mengalihkan tumpuan bagi merebut Piala TNB minggu hadapan.

Untuk rekod, THT turut merampas Piala Sumbangsih 2025 daripada seteru terdekat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang meraih gelaran treble musim lalu (Piala Sumbangsih, Piala TNB, dan kejuaraan liga). - Bernama